

# KPTN 2017: Promosi pendidikan tinggi

**KARNIVAL Pendidikan Tinggi Negara (KPTN 2017) Zon Selatan yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat mencatatkan lebih 15,000 pengunjung pada hari pertama penganjurannya 26 Februari lalu.**

Majlis perasmian telah disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri (Dr) Ir Jamilus Md Hussin.

Antara daya tarikan karnival ini ialah penyediaan simulasi penerbangan di gerai pameran serta pameran *learjet* di tapak karnival yang dibawakan khas untuk tontonan para pengunjung.

Ini adalah bagi mempromosikan program akademik Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) Dengan Kepujian, yang mana ia merupakan program pertama seumpamanya di Malaysia dan diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Turut diadakan Pameran



Sambutan amat menggalakkan daripada pengunjung di KPTN 2017.

Pendidikan melibatkan lebih 150 universiti awam, universiti swasta dan pelbagai agensi awam dan swasta, seminar kemasukan pelajar, ceramah kerjaya oleh Dr Faiz Khaled daripada Program Angkasawan Negara, persembahan artis jemputan Najwa Latif dan persembahan kebudayaan oleh pelajar UTHM, pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan kuiz, pameran badan beruniform, *food truck* dan keusahawanan pelajar.

Untuk rekod, KPTN 2017 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melibatkan tujuh zon bermula pada 11 Februari hingga 26 Mac 2017.

KPTN 2017 dianjurkan bertujuan mempromosi serta menyebar luas maklumat mengenai pendidikan sedia ada dan baharu yang ditawarkan oleh universiti awam, politeknik, kolej komuniti, institut latihan kemahiran awam, bahagian matrikulasi dan institusi lain bagi sesi akademik 2017/2018.